

# Malaysia terima tiga notis tata tindak daripada AS

**Datuk** Seri Anwar Ibrahim, semalam mendedahkan Malaysia menerima tiga notis tata tindak daripada Amerika Syarikat (AS) kerana enggan menganggap Hamas sebagai kumpulan pengganas.

Perdana Menteri berkata, notis rasmi yang dipanggil demarche itu diterima Kementerian Luar, pada 13 dan 30 Oktober lalu, manakala satu lagi notis dihantar terus kepada Duta Besar

Malaysia di Washington.

“Oleh kerana keengganan kita untuk membantah tindakan Hamas dan enggan menganggap Hamas sebagai pengganas, saya mendapat maklumat, Kementerian Luar menerima demarche iaitu tata tindak daripada Kedutaan AS pada 13 dan 30 Oktober lalu serta satu lagi kepada duta besar.

“Ia disebabkan pendirian kita terutama keengganan kita menganggap Hamas itu sebagai

badan pengganas.

“Saya sudah menjawab dalam majlis (solidariti Palestin), baru-baru ini. Saya tegaskan Malaysia kekal dengan pendirian bebas kita, iaitu pertimbangan kemanusiaan dan menganggap pencerobohan itu (salah) dari segi undang-undang dan norma antarabangsa kerana perkara ini sudah berlarutan sejak 1948,” katanya.

Beliau berkata demikian

pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMTQ), di Dewan Rakyat, semalam.

Sebelum ini, Anwar mendedahkan beliau menerima ugutan daripada negara luar, susulan ketegasan Malaysia mempertahankan nasib rakyat Palestin.

Perdana Menteri berkata, selagi diberi mandat dan kepercayaan oleh rakyat, selaku ketua kerajaan beliau tidak akan tunduk dan gentar dengan se-

barang ugutan.

Beliau juga sebelum ini mendedahkan ada ahli Parlimen dari Eropah mengusulkan sekatan dikenakan terhadap Malaysia kerana kelantangan kerajaan memperjuangkan isu Palestin.

Namun, beliau menegaskan tidak menghiraukan tindakan berkenaan, sebaliknya akan terus menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti biasa tanpa geritar.